

Newspaper	Berita Harian
Date	28/4/2013

Transformasi kian capai negara maju

BH-28/4/2013

» *Najib mahu rakyat yakin kemampuan Kerajaan BN*

**Oleh Misiah Taib
dan Norfatimah Ahmad**
bhnews@mediaprima.com.my

► **Kuching**

Datuk Seri Najib Razak mahu rakyat negara ini sedar bahawa mereka berada dalam negara yang se-

makin hampir mencapai matlamat negara maju, sedangkan negara lain di dunia terpaksa mengemis untuk menangani masalah ekonomi.

Perdana Menteri berkata, itulah bukti jelas bagaimana transformasi yang dibawa Kerajaan Barisan Nasional (BN) mampu memberi manfaat kepada rakyat secara menyeluruh bukan untuk kebaikan komuniti tertentu saja.

Rakyat raih manfaat

“Kita sudah berjaya kerana ketika Malaysia menongkah arus dengan ekonomi berkembang

5.6 peratus, beberapa negara di Eropah terpaksa meminta sedekah pada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

“Inilah yang dikatakan transformasi apabila ia turut memberi kesan kepada rakyat biasa, bukan hanya untuk projek besar, peniaga atau pelabur semata-mata,” katanya sambil disambut tepukan gemuruh lebih 6,000 penduduk yang hadir pada majlis bersama rakyat di Dewan Serbaguna Kampung Semeba di sini, semalam.

Turut hadir isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri

Alfred Jabu Numpang; Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui dan calon BN Parlimen Stampin, Datuk Yong Khoon Seng.

Slogan ‘ubah’ ditempelak

Pengerusi BN itu juga menempek pembangkang yang menggunakan slogan ‘ubah’ untuk mempengaruhi rakyat bagi mendapatkan sokongan pada pilihan raya umum (PRU) ini, walaupun ia semata-mata untuk memenuhi impian menjadi Perdana Menteri saja.

“Jangan mudah buat slogan kerana untuk bawa perubahan yang sebenar adalah lebih mencabar dan ia sudah dibawa BN,” katanya.

Beliau berkata, manfaat transformasi jelas lebih baik apabila jumlah pekerjaan meningkat dan kadar pengangguran berkurangan berbanding reformasi yang tiada hala tuju.